

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)28**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

28. Terangkan mekanisme pengagihan peruntukan khas RM10 juta yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri untuk membantu menangani krisis virus COVID-19.
- (a) Sejauh manakah Kerajaan Tempatan bersiap siaga dengan *big data analysis* tentang bilangan penjaja kecil serta peniaga kecil?
  - (b) Terangkan peranan ADUN dalam usaha membantu Kerajaan Negeri menangani krisis penularan virus COVID-19.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Pada 25 Mac 2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM75 juta, termasuk peruntukan khas RM10 juta untuk perolehan peralatan keselamatan diri seperti peralatan perlindungan diri (PPE), katil, bantal, penutup muka, termometer, *hand sanitizer* dan sebagainya. Proses perolehan peralatan keselamatan diri ini akan diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan akan dibekalkan kepada pihak hospital dan pasukan barisan hadapan (*frontliner*)

seperti petugas pasukan kesihatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

(a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mempunyai pangkalan data dan rekod penjaja kecil dan peniaga kecil yang berlesen di kawasan masing-masing. Pangkalan data ini boleh digunakan untuk proses *big data analysis* bagi tujuan penyaluran bantuan.

(b) Peranan ADUN dalam membantu Kerajaan Negeri menangani krisis penularan virus Covid-19 seperti berikut:

- (i) Memberi bantuan kepada rakyat yang memerlukan bantuan di kawasan masing-masing menggunakan peruntukan khas RM30,000.00 yang telah diumumkan menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang;
- (ii) Memberi penerangan dan kesedaran kepada rakyat mengenai usaha Kerajaan Negeri dalam menangani wabak ini serta patuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa;

- (iii) Menyampaikan isu-isu/masalah rakyat kepada Kerajaan Negeri untuk perhatian dan tindakan penyelesaian yang lebih teratur dan komprehensif;
- (iv) Mengedarkan bantuan pek makanan kering, penutup muka (*face mask*), *hand sanitizer* dan lain-lain bantuan kepada golongan yang memerlukan;
- (v) Bekerjasama dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan pemimpin tempatan melaksanakan penjarakan sosial (*social distancing*) di pasar-pasar awam; dan
- (vi) Bekerjasama dengan pihak PBT, bomba, pasukan kesihatan dan Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melaksanakan aktiviti disinfeksi di kawasan-kawasan awam/ terjejas.